	3.3.4	Menjelaskan penggunaan pendapatan individu.							
	3.3.5	Mengenal pasti dan menjelaskan faktor yang mempengaruhi corak perbelanjaan.							
	3.3.6	Mengenal pasti kelebihan dan kekurangan kaedah pembayaran secara tunai atau kredit.							
	3.3.7	Menganalisis fitur ekonomi yang terdapat dalam pembelian kredit seperti deposit, kadar faedah, caj kewangan, terma dan syarat dan jumlah perlu bayar							
	3.3.8	Menjelaskan konsep belanjawan peribadi.							
	3.3.9	Menghasilkan belanjawan peribadi yang merangkumi simpanan, perbelanjaan, derma dan simpanan/pelaburan yang konsisten dengan matlamat kewangan masing-masing							
	3.3.10	Menjelaskan kepentingan belanjawan peribadi.							
	3.3.11	Mengenal pasti dan membandingkan strategi simpanan							
	3.3.12	Menerangkan konsep risiko dan pulangan dalam pelaburan.							
	3.3.13	Membandingkan tahap risiko, pulangan dan kecairan berkaitan pelbagai jenis pelaburan peribadi		/			/	13,35	
4	4.1 Konsep pengeluaran, kos dan hasil	4.1.1	Menjelaskan konsep pengeluaran.	/	/			14,16	
		4.1.2	Menjelaskan fungsi pengeluaran jangka pendek secara deskriptif dengan menggunakan jadual.						
		4.1.3	Menjelaskan kos tetap, kos berubah, jumlah kos, kos marginal dan kos purata.		/			15	
		4.1.4	Membuat pengiraan mudah kos tetap, kos berubah, jumlah kos, kos purata dan						
		4.1.5	Menganalisis situasi yang menunjukkan perubahan dalam kos purata dan jumlah kos akibat perubahan dalam jumlah output.		/	/		20,36	
		4.1.6	Menjelaskan konsep hasil & untung.				/	22	
		4.1.7	Membuat pengiraan mudah jumlah hasil dan untung.						

KONTEKS		OP1			OP2			ITEM	
		Pengetahuan & Kefahaman			Aplikasi				
		R	S	T	R	S	T		
4.2 Produktiviti dan eksternaliti	4.1.8	Mengenal pasti tahap pengeluaran paling cekap.kos marginal berdasarkan jadual.							
	4.2.1	Menerangkan konsep produktiviti.							
	4.2.2	Menjelaskan social-faktor yang mempengaruhi produktiviti iaitu tanah, buruh, modal dan usahawan.							
	4.2.3	Menerangkan konsep eksternaliti.							
	4.2.4	Menjelaskan maksud kos social dan faedah social.							
5.1 Peranan kerajaan dalam ekonomi	4.2.5	Menilai faedah social dan kos social berdasarkan contoh yang sesuai.							
	5.1.1	Menjelaskan peranan kerajaan sebagai pengeluar dan majikan							
	5.1.2	Menjelaskan peranan kerajaan untuk mencapai objektif makro ekonomi Negara iaitu guna tenaga penuh, kestabilan harga, pertumbuhan ekonomi dan kestabilanimbangan pembayaran.						21	
	5.1.3	Menjelaskan peranan kerajaan dalam mengawal selia pengeluar dan eksternaliti negative	/						
	5.1.4	Menganalisis dan menghubungkait ketiga-tiga peranan kerajaan dalam menjaga kebijakan masyarakat dan meningkatkan kemakmuran Negara.							
5	5.2 Penunjuk ekonomi	5.2.1	Menjelaskan Indeks Harga Pengguna (IHP) sebagai alat ukuran inflasi.						
	5.2.2	Menerangkan jenis inflasi.				/		39	
	5.2.3	Menganalisis kesan inflasi ke atas harga, tabungan, pendapatan, pengangguran, eksport dan kadar faedah.							
	5.2.4	Mendefinisikan pengangguran.			/			23	
	5.2.5	Menganalisis jenis pengangguran iaitu kitaran, berstruktur dan geseran.							
	5.2.6	Mendefinisikan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).							
	5.2.7	Menjelaskan KDNK sebagai ukuran kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia berdasarkan data.							
	5.2.8	Menerangkan sebab dan akibat pertumbuhan ekonomi.							
5.3 Alat dasar ekonomi	5.3.1	Menjelaskan maksud dasar fizikal.							
	5.3.2	Mengklasifikasi dan menjelaskan jenis hasil kerajaan iaitu cukai langsung, cukai tidak langsung dan hasil bukan cukai				/		26,27	
	5.3.3	Menganalisis kesan cukai regresif, progresif dan berkadar malar ke atas agihan pendapatan							
	5.3.4	Menjelaskan jenis perbelanjaan kerajaan iaitu perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan							

	KONTEKS	OP1 Pengetahuan & Kefahaman	OP2			ITEM	
			Aplikasi				
			R	S	T		
6	6.1 Globalisasi	5.3.5 Menganalisis kesan belanjawan defisit dan belanjawan lebihan terhadap ekonomi negara					
		5.3.6 Menjelaskan maksud dasar kewangan					
		5.3.7 Menjelaskan alat dasar kewangan yang digunakan oleh bank pusat untuk mengawal ekonomi			/		
		5.3.8 Menganalisis kesan penggunaan kadar faedah sebagai alat dasar kewangan ke atas ekonomi.					
		5.3.9 Menilai kesan yang berbeza ke atas objektif makro ekonomi negara dengan penggunaan alat-alat dasar ekonomi.					
6	6.2 Perdagangan antarabangsa	6.1.1 Menerangkan maksud globalisasi					
		6.1.2 Menerangkan operasi syarikat multinasional.		/		25	
		6.1.3 Menganalisis faktor penggalak globalisasi dalam ekonomi dari aspek peranan kerajaan serta peranan teknologi komunikasi maklumat , pengangkutan dan pelancongan.			/	34	
		6.1.4 Menilai kesan pelaburan langsung asing ke atas ekonomi negara.					
	6.3 Imbalan pembayaran	6.2.1 Menjelaskan konsep perdagangan antarabangsa.					
		6.2.2 Menjelaskan kepentingan perdagangan antarabangsa kepada ekonomi Malaysia.					
		6.2.3 Menghuraikan bentuk dan tujuan sekatan perdagangan antarabangsa.					
		6.2.4 Menganalisis kesan tarif, subsidi dan kuota ke atas perdagangan antarabangsa.					
		6.2.5 Menilai kebaikan dan keburukan sekatan perdagangan antarabangsa dan liberalisasi perdagangan.					
		6.2.6 Menjelaskan beberapa contoh blok ekonomi dan perjanjian perdagangan (trade agreement).					
		6.2.7 Menjelaskan kesan blok ekonomi dan perjanjian perdagangan ke atas negara ahli dan negara bukan ahli.					
	6.4 Kadar pertukaran asing	6.3.1 Mengenalpasti komposisi dagangan dan arah aliran perdagangan Malaysia	/			29	
		6.3.2 Menerangkan maksud imbalan pembayaran					
		6.3.3 Menjelaskan struktur akaun semasa dalam imbalan pembayaran	/			30	
		6.3.4 Menjelaskan konsep defisit dan lebihan dalam akaun semasa		/		33	
		6.3.5 Menganalisis sebab dan implikasi defisit dan lebihan dalam akaun semasa.					
	6.4 Kadar pertukaran asing	6.4.1 Mendefinisikan kadar pertukaran asing.	/			37	
		6.4.2 Mengira kadar pertukaran asing berdasarkan harga jualan dan harga belian mata wang			/	31	

KONTEKS		OP1			OP2			ITEM	
		Pengetahuan & Kefahaman			Aplikasi				
		R	S	T	R	S	T		
	asing.								
	6.4.3 Menjelaskan faktor yang mempengaruhi permintaan dan penawaran mata wang asing.		/					40	
	6.4.4 Menganalisis penentuan dan perubahan kadar pertukaran asing menggunakan gambar rajah permintaan dan penawaran.								
	6.4.5 Menerangkan kesan perubahan kadar pertukaran asing ke atas harga eksport dan import.			/				32	

**JADUAL SPESIFIKASI ITEM (JSI)**  
**MODUL EKONOMI (ARAS RENDAH)**  
**MATA PELAJARAN: EKONOMI KERTAS 2 (3767/2)**

ITEM	KONTEKS	KONSTRUK															MARKAH	
		MENGINGAT & MEMAHAMI (OP1)			KEMAHIRAN MENGAPLIKASI (OP2)			KEMAHIRAN MENGANALISIS (OP3)			KEMAHIRAN MENILAI (OP4)			KEMAHIRAN KUANTITATIF (OP5)				
		R	S	T	R	S	T	R	S	T	R	S	T	R	S	T		
1	(a)	1.1.3	Mendefinisikan faktor pengeluaran iaitu tanah, buruh, modal dan usahawan.	/													4	
1	(b)(i)	1.2.2	Mengenal pasti ciri-ciri utama sistem ekonomi pasaran bebas, sistem ekonomi perancangan pusat dan sistem ekonomi campuran.	/													1	
		1.2.3	Membincangkan penyelesaian masalah asas ekonomi oleh setiap sistem ekonomi tersebut.							/							4	
1	(c)(i)	2.1.12	Melukis rajah keseimbangan pasaran berdasarkan jadual permintaan dan penawaran pasaran.	/													5	
		2.1.13	Menjelaskan kesan lebihan permintaan atau penawaran ke atas harga dan kuantiti berdasarkan jadual dan rajah.				/										2	
1	(d)(i)	2.2.4	Menjelaskan konsep keanjalan harga penawaran dan membuat pengiraan mudah.				/										2	
		2.2.5	Menjelaskan keanjalan harga penawaran anjal dan keanjalan harga penawaran tak anjal melalui g/rajah										/				2	
2	(a)	3.1.3	Mengenalpasti kekurangan dan kelebihan overdraf	/													4	
2	(b)	3.2.3	Mengenalpasti faktor pemilihan pekerjaan berdasarkan maklumat yang diberi							/							6	
2	(c)	4.1.3	Mengenalpasti kos- kos yang terlibat dalam proses pengeluaran berdasarkan rajah yang diberi							/							4	
2	(d)	4.2.5	Mengenalpasti kos sosial berdasarkan rajah yang diberikan							/							6	

ITEM		KONTEKS		KONSTRUK														MARKAH
				MENGINGAT & MEMAHAMI (OP1)			KEMAHIRAN MENGAPLIKASI (OP2)			KEMAHIRAN MENGANALISIS (OP3)			KEMAHIRAN MENILAI (OP4)			KEMAHIRAN KUANTITATIF (OP5)		
R	S	T	R	S	T	R	S	T	R	S	T	R	S	T	R	S	T	
3	(a)	6.1.4	Menilai kesan pelaburan langsung asing ke atas ekonomi negara.									/						4
3	(b)	6.2.3	Menghuraikan bentuk dan tujuan sekatan perdagangan antarabangsa.	/														6
		5.2.2	Menerangkan jenis inflasi.									/						1
3	(c)	5.2.3	Menganalisis kesan inflasi ke atas harga, tabungan, pendapatan, pengangguran, eksport dan kadar faedah.							/								4
3	(d)	5.2.8	Menerangkan sebab dan akibat pertumbuhan ekonomi.									/						5
4	(a)	2.1.8	Menghuraikan penentu penawaran iaitu harga barang itu, harga faktor pengeluaran, cuaca, jangkaanharga masa depan, tingkat teknologi, matlamat pengeluar dan dasar kerajaan.	/														6
4	(b)	5.1.4	Matlamat kerajaan untuk menjaga kebijakan masyarakat dan Meningkatkan kemakmuran Negara							/								5
4	(c)	2.1.14	Menganalisis kesan perubahan permintaan / perubahan penawaran ke atas keseimbangan pasaran.							/								9
5	(a)	3.3.2	Mengenal pasti pelbagai jenis potongan wajib ke atas gaji dari segi tujuan dan kesannya terhadap pendapatan semasa dan pendapatan masa hadapan pekerja.				/											4
5	(b)	2.1.14	Menganalisis kesan perubahan permintaan/ perubahan penawaran ke atas keseimbangan pasaran							/								7
5	(c)	5.2.8	Menerangkan sebab dan akibat pertumbuhan ekonomi.									/						9

ITEM		KONTEKS	KONSTRUK														MARKAH	
			MENGINGAT & MEMAHAMI (OP1)			KEMAHIRAN MENGAPLIKASI (OP2)			KEMAHIRAN MENGANALISIS (OP3)			KEMAHIRAN MENILAI (OP4)			KEMAHIRAN KUANTITATIF (OP5)			
R	S	T	R	S	T	R	S	T	R	S	T	R	S	T	R	S	T	
6	(a)	3.1.3	Menyatakan fungsi bank perdagangan berdasarkan maklumat yang diberi						/									4
6	(b)	5.3.8	Menganalisis kesan penggunaan kadar faedah sebagai alat dasar kewangan ke atas ekonomi.						/									7
6	(c)	3.1.2	Menilai kepentingan institusi perbankan									/						9
7	(a)	6.1.3	Menjelaskan faktor yang mempengaruhi globalisasi.						/									4
7	(b)	6.2.4	Melukis rajah keseimbangan kesan pelaksanaan subsidi				/											7
7	(c)	6.2.5	Menilai kesan perdagangan antarabangsa terhadap taraf hidup masyarakat.									/						9

## FORMAT PENTAKSIRAN PEPERIKSAAN

.....

KERTAS 1 (3767/1)	40 soalan objektif	1 jam 15 minit	40 %	Nisbah Aras Kesukaran R : S : T 5 : 3 : 2 20 : 12 : 8
KERTAS 2 (3767/2)	Bahagian A 3 soalan	2 jam 15 minit	60 %	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jawab semua 3 soalan.</li> <li>• Setiap soalan 20 markah. (ceraian a , b, c, d).</li> <li>• 3 soalan : 1 jam 15 minit (25 minit untuk setiap soalan)</li> <li>• Kemahiran pengetahuan, pemahaman dan aplikasi. Konteks Tingkatan 4 dan Tingkatan 5</li> <li>• Respon Terhad – Jawapan ringkas dan padat. Maksimum 6 markah setiap soalan.</li> </ul> <p>***Tertakluk kepada perubahan / bergantung kepada LPM</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kaedah penskoran secara analitik - Terikat dengan Peraturan Pemarkahan. (Fakta + Huraian + Contoh)</li> </ul>
	Bahagian B 4 soalan (Pilih 2 soalan sahaja)			<ul style="list-style-type: none"> <li>• 4 soalan <b>pilih dua soalan sahaja</b> untuk dijawab. Setiap soalan 20 markah. (Ceraian a, b, c)</li> <li>• 2 soalan : 1 jam (30 minit untuk setiap soalan)</li> <li>• Pecahan soalan; <math>4 + 7 + 9</math>, <math>5 + 7 + 8</math>, <math>6 + 6 + 8</math> dan sebagainya.</li> <li>• Soalan 4 hingga soalan 7; 20 markah Respon Terbuka / Mendalam lebih daripada 1 konteks.</li> <li>• Bermula dari 1 konsep ke konsep lain, kembangkan, merentasi topik, matapelajaran lain (EMK)</li> <li>• Kemahiran pengetahuan, pemahaman dan aplikasi. Bentuk soalan; analisis, isu semasa, antarbangsa, soalan ada gambar rajah, jadual, keluk, rumus, grafik, soalan umum. Konteks Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.</li> <li>• Kaedah penskoran secara analitik dan rubrik - Skor dibahagi kepada: Tahap 1 – Tahap 3</li> </ul>



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak

**EKONOMI MODUL ARAS RENDAH**

**3767/1**

**Kertas 1**

1 ¼ jam

**Satu jam lima belas minit**

---

---

1. *Modul ini mengandungi **40** soalan.*
  2. *Jawab **semua** soalan.*
  3. *Tiap-tiap soalan iikut oleh empat pilihan jawapan iaitu **A, B, C dan D**. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
  4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
  5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
-

1. Apakah maksud ilmu ekonomi?
  - A. Kajian tentang cara mengimbangi tingkat keuntungan dengan kos pengeluaran
  - B. Kajian tentang cara menyelesaikan masalah kehendak dan keperluan manusia dalam kehidupan
  - C. Kajian tentang cara memaksimumkan kepuasan daripada penggunaan sumber yang tidak terhad
  - D. Kajian tentang cara menggunakan modal yang sedia ada bagi memenuhi kehendak yang tidak terhad
  
- 2 Antara pernyataan yang berikut, yang manakah menggambarkan tentang masalah kekurangan?
  - A. Kerajaan pusat berjaya menyediakan kedua-dua projek yang dirancang setelah memperoleh pinjaman daripada Bank Dunia
  - B. Cik Lim membeli semua baju yang diingininya dengan menggunakan lebihan pendapatan yang ada
  - C. Syarikat MAHA menambahkan pengeluaran kerana mempunyai modal yang tidak terhad
  - D. Puan Shima berjaya membahagiakan 10 orang anaknya kerana mempunyai peruntukan bulanan yang lebih untuk membawa mereka semua pergi melancong
  
3. Pasangan manakah yang **betul**?

<b>Sistem Ekonomi</b>	<b>Ciri-ciri</b>
A. Sistem ekonomi Islam	Memaksimumkan kebajikan rakyat
B. Sistem ekonomi kapitalis	Sumber ekonomi dikawal sepenuhnya oleh kerajaan
C. Sistem ekonomi campuran	Sumber ekonomi dimiliki sepenuhnya oleh firma
D. Sistem ekonomi perancangan pusat	Pengguna bebas membuat pilihan


4. Maklumat di bawah berkaitan dengan tiga jenis barang dalam pasaran.

Harga barang X	Kuantiti diminta barang Y	Kuantiti diminta barang Z
Naik	Turun	Naik

Apakah contoh barang yang berkaitan dengan situasi di atas?

	Barang X	Barang Y	Barang Z
A.	Kereta tempatan	Petrol	Kereta import
B.	Komputer riba	Telefon pintar	Televisyen
C.	Roti	Kaya	Sardin
D.	Baju kurung	Baju kebaya	Jaket


5. Rajah di bawah menunjukkan keluk permintaan terhadap sesuatu barang.



Apakah titik baru bagi **V** jika kerajaan meningkatkan kadar pelepasan cukai?

- A. W
- B. X
- C. Y
- D. Z

6. Rajah di bawah menunjukkan keluk permintaan individu A ( $P_A$ ) dan keluk permintaan pasaran ( $D_p$ ) bagi suatu barang.




Andaikan pasaran tersebut hanya terdiri daripada individu A dan individu B, berapakah kuantiti diminta oleh individu B pada setiap tingkat harga?

	<b>RM4</b>	<b>RM6</b>	<b>RM8</b>
A.	4	3	2
B.	6	5	4
C.	10	7	5
D.	16	12	9

7. Kombinasi pilihan manakah yang betul tentang penentu permintaan bagi barang S?

	<b>Penentu permintaan</b>	<b>Harga Barang S</b>	<b>Kuantiti Permintaan</b>
A.	Kerajaan menaikkan kadar cukai pendapatan	naik	jatuh
B.	Harga barang pengganti meningkat	tetap	bertambah
C.	Pendapatan pengguna bertambah	naik	bertambah
D.	Jangkaan harga pada masa depan meningkat	tetap	jatuh

8. Rajah di bawah ini menunjukkan keluk perubahan keseimbangan pasaran jam tangan.



Manakah kesan peningkatan pendapatan isi rumah kepada keseimbangan pasaran jam tangan?

- A. Beralih dari  $D_0D_0$  ke  $D_2D_2$
  - B. Kuantiti keseimbangan pasaran yang baharu ialah  $Q_2$
  - C. Harga keseimbangan pasaran akan meningkat dari  $P_0$  ke  $P_1$
  - D. Tiada perubahan yang berlaku kepada keluk keseimbangan pasaran
9. Barang N mempunyai nilai keanjalan harga penawaran 2.8. Sekiranya harga barang N meningkat sebanyak 20%, kuantiti ditawarkan bagi barang N akan meningkat daripada 120 unit kepada
- A. 156 unit
  - B. 166 unit
  - C. 170 unit
  - D. 188 unit
10. "Cik Lye Ying membeli sebuah telefon pintar berharga RM1 900 dengan bayar ansuran bulanan sebanyak RM160 sebulan".
- Fungsi wang dalam pernyataan di atas ialah
- I Alat ukuran nilai
  - II Alat simpanan nilai
  - III Alat bayaran tertunda
  - IV Alat perantaraan pertukaran
- |              |               |
|--------------|---------------|
| A. I dan II  | C. II dan III |
| B. I dan III | D. II dan IV  |

11. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan Syarikat Bahagia Berhad.

Syarikat Bahagia Berhad mempunyai hampir 10 000 tenaga kerja yang menjalankan tugas mengikut kepakaran masing masing. Pada setiap bulan, semua pekerja akan menerima upah yang dimasukkan terus ke akaun mereka. Ini memudahkan mereka menerima upah pada masa yang telah ditetapkan.

- A. Draf bank
- B. Debit langsung
- C. Pindahan kredit
- D. Perintah sedia ada

12. Jadual di bawah menunjukkan butir-butir pendapatan dan bayaran yang telah dibuat oleh Encik Rozaini dalam setahun.

<b>Butiran</b>	<b>RM</b>
Pendapatan tahunan	32 000
Cukai pendapatan	1 300
Ansuran kereta	7 200
Bayaran zakat	400
Caruman KWSP	3 500
Caruman PERKESO	160

Berapakah pendapatan boleh guna Encik Rozaini?

- A. RM19 440
- B. RM23 100
- C. RM26 640
- D. RM37 040

13. Pilih pernyataan yang benar mengenai pelbagai jenis pelaburan.

<b>Jenis pelaburan</b>	<b>Tahap risiko</b>	<b>Jenis pulangan</b>
A. Simpanan tetap	Tinggi	Faedah
B. Saham	Rendah	Dividen
C. FOREX	Tinggi	Sewa
D. Hartanah	Rendah	Untung

14. Gambar di bawah merupakan sejenis mesin yang digunakan dalam proses pengeluaran barang dan perkhidmatan.



Pernyataan manakah berkaitan dengan gambar di atas.

- I Tetap wujud walaupun output sifar
  - II Mempunyai mobiliti geografi yang tinggi
  - III Wujud dalam jangka masa pendek sahaja
  - IV Kuantiti output meningkat, kuantiti input juga meningkat
- |              |               |
|--------------|---------------|
| A. I dan II  | C. II dan III |
| B. I dan III | D. II dan IV  |
15. Jadual di bawah menunjukkan input berubah dan jumlah keluaran suatu barang

<b>Input berubah</b>	<b>Jumlah keluaran (unit)</b>
0	-
1	9
2	17
3	23
4	29


Keluaran marginal adalah paling tinggi pada input berubah ke-

- A. 1
- B. 2
- C. 3
- D. 4

16. Antara yang berikut, yang manakah dapat dilakukan oleh sebuah firma percetakan dalam jangka masa pendek?
- I Menambah saiz kilang
  - II Menambah mesin percetakan
  - III Menambah jumlah stok kertas
  - IV Menambah bilangan buku dicetak
- |             |               |
|-------------|---------------|
| A. I dan II | C. II dan III |
| B. I dan IV | D. III dan IV |
17. Cik Munirah menerima gaji bulanan sebanyak RM5000. Sekiranya kerajaan menaikkan kadar caruman KWSP pekerja daripada 11% kepada 12%, keadaan manakah akan berlaku?

<b>Potongan wajib</b>	<b>Pendapatan Boleh Guna</b>	<b>Gaji Bulanan</b>
A. Meningkat	Menurun	Tetap
B. Tetap	Menurun	Meningkat
C. Menurun	Meningkat	Tetap
D. Tetap	Meningkat	Menurun

18. Maklumat berikut menunjukkan dua jenis potongan wajib.



Pernyataan manakah yang menunjukkan X?

- I Sumber kewangan semasa hari tua
  - II Menjaga kebijikan pekerja-pekerja
  - III Mengurangkan pendapatan semasa
  - IV Memberi perlindungan di luar jangka
- |             |               |
|-------------|---------------|
| A. I dan II | C. II dan III |
| B. I dan IV | D. III dan IV |

19. Pernyataan di bawah adalah berkaitan dengan fungsi wang.

Nilai wang tidak mudah berubah dalam jangka pendek atau jangka panjang.

Pernyataan di atas merujuk kepada fungsi wang sebagai

- A. Encik Fazreen membeli barang elektrik di Suria
  - B. Encik Daniel menyimpan wang sebanyak RM25 000 di Public Bank
  - C. Harga kerusi plastik adalah RM 18.00
  - D. Encik Thavenes membayar hutang di kedai elektrik setiap bulan sebanyak RM200.00
20. Encik Zakri merupakan peniaga kedai makan di Pekan Kuala Ketil. Pilih padanan yang **betul** bagi input tetap dan input berubah yang digunakan oleh beliau dalam menguruskan perniagaannya.

<b>Input Tetap</b>	<b>Input Berubah</b>
A. 3 tong gas	Sebuah peti sejuk beku
B. Sebuah dapur masak	10 orang pekerja
C. Sebuah mesin ABC	4 buah dapur gas
D. 6 botol kicap	2 buah mesin pengisar

21. Apakah peranan mencapai objektif makroekonomi negara?

- A. mengukur indeks harga pengguna
- B. kadar pengangguran kurang daripada 3 peratus hingga 4 peratus
- C. mewujudkan persaingan antara negara maju dengan negara sedang membangun
- D. meningkatkan aktiviti eksport dan import negara

22. Jadual di bawah menunjukkan perbelanjaan Encik Rosli sebagai penternak ikan.

Butiran	Kos (RM)
Pembinaan kolam	12 000
Pembelian peralatan	9 000
Pembelian benih dan makanan ikan	5 000

Encik Rosli telah meletak jawatan sebagai kerani kewangan dengan gaji RM3 000. Tapak kolam tersebut adalah miliknya sendiri bernilai RM8 000. Berapakah kos implisit dan kos eksplisitnya?

	Kos Implisit (RM)	Kos Eksplisit (RM)
A.	11000	26000
B.	3000	34000
C.	20000	17000
D.	8000	29000


23. Jadual di bawah berkaitan dengan tenaga buruh di Malaysia.

Tahun	Bekerja (ribu orang)	Penganggur (ribu orang)
2017	14 580.5	507.8
2018	14 933.4	516.5


Pilih pernyataan yang **betul**.

- A. Guna tenaga penuh berlaku pada tahun 2018 sahaja
- B. Guna tenaga bagi tahun 2017 ialah 15 088.3 ribu orang
- C. Tenaga buruh pada tahun 2018 ialah 14 416.9 ribu orang
- D. Kadar pengangguran semakin berkurang pada tahun 2018

24. Z dalam rajah di bawah ini merujuk kepada suatu tindakan yang diambil oleh bank pusat.



Apakah tindakan tersebut?



Manakah yang betul tentang komponen X?

- A. cukai yang dikenakan terhadap barang keluaran tempatan
  - B. dikenakan atas pemilik rumah
  - C. bayaran lesen dan permit oleh Syarikat Fatini Sdn. Bhd
  - D. cukai yang dikenakan terhadap barang import dan eksport

27. Antara yang berikut, siapakah akan dikenakan cukai langsung?
- Iman membeli sebuah kereta Perodua Myvi
  - Izhar membeli perabot jati buatan Indonesia
  - Marsha membeli minyak sawit dari Malaysia
  - Anis membeli tanah pertanian di Kuala Krai
28. Maklumat di bawah berkaitan dengan suatu keadaan ketidakstabilan ekonomi.
- Kenaikan harga umum
  - Para pekerja menuntut kenaikan gaji
- Apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut?
- I Mengurangkan perbelanjaan pembangunan  
II Menurunkan nisbah rizab berkanun  
III Melonggarkan syarat sewa beli  
IV Menaikkan kadar cukai
- |             |               |
|-------------|---------------|
| A. I dan II | C. II dan III |
| B. I dan IV | D. III dan IV |
29. Komposisi ekport nampak Malaysia terdiri daripada
- jualan minyak sawit Malaysia di Australia
  - perkhidmatan Penerbangan Mas Ke Vietnam
  - kereta Ferrari buatan negara Itali
  - konsert kumpulan k-Pop Super Junior dari Korea Selatan

30. Jadual yang berikut menunjukkan akaun semasa bagi Negara X

Butiran	RM (juta)
Eksport barang	180
Import barang	110
Perkhidmatan kewangan	50
Perjalanan dan pengangkutan	-70
Akaun pendapatan	-30

BerapakahimbanganakaunsemasabagiNegaraX?

- A. RM5 juta
- B. RM20 juta
- C. RM50 juta
- D. RM70 juta

31. Maklumat berikut berkaitan dengan kadar pertukaran asing antara Pound Sterling (£) dan Dolar Amerika (US\$) berbanding Ringgit Malaysia (RM).

$$\pounds 1.00 = \text{RM}5.40$$

$$\text{US\$}1.00 = \text{RM}3.67$$

Berapakan nilai Pound Sterling Britain dalam mata wang Dolar Amerika Syarikat?

- A. £1.00 = US\$1.47
- B. £1.00 = US\$1.46
- C. £1.00 = US\$0.69
- D. £1.00 = US\$0.68£

32. Peningkatan nilai Ringgit Malaysia berbanding Dollar Amerika Syarikat menyebabkan

- A. eksport Malaysia menyamai importnya
- B. Malaysia lebih banyak mengimport daripada mengeksport
- C. Malaysia lebih banyak mengeksport daripada mengimport
- D. kuasa beli Ringgit Malaysia di pasaran antarabangsa menjadi rendah

33. Antara yang berikut yang manakah menunjukkan kesan defisit akaun semasa?
- permintaan terhadap barang tempatan adalah rendah menyebabkan pendapatan negara merosot
  - permintaan terhadap barang import adalah tinggi menyebabkan pertumbuhan ekonomi negara meningkat
  - kekurangan sumber ekonomi akibat daripada bencana alam
  - kewujudan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan dalam semua sektor
34. Antara berikut, yang manakah merupakan faktor yang mempengaruhi globalisasi?
- kenaikan taraf perintis
  - perkembangan ekonomi
  - perkembangan teknologi maklumat
  - kenaikan kadar pertukaran mata wang asing

Soalan 35 hingga 40 adalah berdasarkan jadual yang berikut.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

35. I. Tahap pulangan pelaburan harta tanah lebih rendah berbanding pelaburan FOREX  
 II. Simpanan tetap dan amanah saham mempunyai tahap kecairan yang rendah
36. I. Keluaran purata merujuk kepada jumlah kuantiti keluaran yang dapat dihasilkan oleh seunit input berubah  
 II. Keluaran marginal merupakan bayaran yang dilakukan oleh firma terhadap penggunaan input tetap dalam pengeluaran
37. I. Dalam perdagangan antarabangsa, negara pengimpor membuat bayaran dengan menggunakan mata wang negara pengeksport  
 II. Mata wang negara pengeksport yang dimiliki oleh negara pengimpor dikenali sebagai pertukaran asing

38. I. Upah benar merupakan jumlah pendapatan yang diterima oleh buruh selepas menjalankan kerja yang diarahkan  
II. Semakin tinggi harga purata barang, semakin tinggi keupayaan untuk membeli barang-barang dan perkhidmatan
39. I. Inflasi tarikan permintaan merupakan kenaikan tingkat harga umum apabila permintaan agregat melebihi penawaran agregat  
II. Kadar pengangguran merujuk kepada nisbah antara 15 hingga 64 tahun yang sedang bekerja dan aktif mencari pekerjaan
40. I. Ringgit Malaysia mengalami kejatuhan nilai jika wujudnya lebihan penawaran Dolar Amerika Syarikat  
II. Ringgit Malaysia mengalami kenaikan nilai jika wujudnya lebihan permintaan Dolar Amerika Syarikat



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak**

**EKONOMI MODUL ARAS RENDAH**

**3767/2**

**Kertas 2**

**2 ¼ jam**

**Dua jam lima belas minit minit**

1. *Modul ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab semua soalan di Bahagian A dan mana-mana dua soalan Bahagian B.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam modul ini.*
4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
5. *Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.*
6. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik*

<i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i>			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
<b>A</b>	<b>1</b>	20	
	<b>2</b>	20	
	<b>3</b>	20	
<b>B</b>	<b>4</b>	20	
	<b>5</b>	20	
	<b>6</b>	20	
	<b>7</b>	20	
<b>Jumlah</b>			

## Bahagian A

[60 markah]

Jawab semua soalan di bahagian ini.

1. (a) Gambar 1 berkaitan faktor pengeluaran.

**OSMAN GOAT FARM**

Mempunyai lebih 3,000 ekor kambing tenusu dan pedaging dari jenis "British Alpine", "Anglo Nubian", "Saneen", "Jamnapari", "Farel" dan biri-biri Kegigihan dan Kejayaan OSMAN GOAT FARM juga telah mendapat penganugerahan dari Kementerian Pertanian Malaysia dengan Anugerah "USAHAWAN PENTERNAK RUMINANJAYA" bagi peringkat negeri bagi tahun 2001 dan daging kambing secara komersial pada tahun 1995.

Terangkan faktor pengeluaran tersebut

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan sistem ekonomi sebuah negara.

**Negara A**

Sumber ekonomi milik individu  
Pengguna bebas membuat  
pilihan

**Negara B**

Sumber ekonomi milik kerajaan  
Pengguna tidak bebas membuat  
pilihan

- (i) Tentukan sistem yang diamalkan oleh negara B tersebut.

.....  
.....

[1 markah]

- (ii) Bagaimana negara A dan negara B menyelesaikan masalah ekonomi apa dan bagaimana hendak dikeluarkan?

.....  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....


[4 markah]

- (c) Jadual 1 menunjukkan permintaan dan penawaran barang F di pasaran pada setiap tingkat harga.

Harga (RM)	Kuantiti Barang(unit)	
	Permintaan	Penawaran
100	12	50
80	22	40
60	35	30
40	42	20
20	52	9

Jadual 1

- (i) Dengan menggunakan kertas graf yang disediakan, lukis rajah keseimbangan pasaran bagi barang tersebut.




[5 markah]

- (ii) Tentukan harga dan kuantiti keseimbangan di (c) (i)

.....  
 .....  
 .....

[2 markah]

- (d) Rajah 1 menunjukkan permintaan barang M.



Rajah 1

- (i) Harga berubah daripada RM25 kepada RM15, Kira keanjalan harga permintaan barang tersebut.

.....  
 .....  
 .....

[2 markah]

- (ii) Berdasarkan jawapan d (i), tafsir keanjalan harga permintaan tersebut.

.....  
 .....  
 .....

[2 markah]

- 2 (a) Maklumat di bawah merupakan salah satu perkhidmatan pinjaman yang disediakan oleh bank perdagangan di Malaysia.

**“Pinjaman berbentuk overdraf sangat sesuai digunakan oleh seseorang usahawan.”**

Terangkan kelebihan dan kekurangan overdraf berdasarkan pernyataan di atas.

---

---

---

---

---

---

---

[4 markah]

- (b) Maklumat di bawah berkaitan faktor pemilihan pekerjaan oleh Aminah



# KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (FAMA)

MARINA PUTRA JAYA SDN. BHD

Aminah tinggal di Pasir Puteh, Kelantan dan mendapat kelulusan yang baik dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Beliau telah memohon jawatan kosong di atas dan telah diterima oleh kedua-dua syarikat di atas.

Pada pendapat anda, kerjaya manakah menjadi pilihan Aminah dan mengapa?

---


---

---

---

[4 markah]

- (c) Gambar di bawah menunjukkan dua jenis input bagi pengeluaran Kek Lapis Holiday Inn.



**Gambar 1**



**Gambar 2**

Jelaskan kos-kos yang terlibat akibat penggunaan input-input di atas.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

- (d) \_\_\_\_\_ Maklumat di bawah berkaitan dengan suatu keratan akhbar.



Jelaskan kos sosial yang timbul daripada situasi tersebut.

[6 markah]

- 3 (a) Jelaskan EMPAT tujuan kerajaan Malaysia melaksanakan sekatan perdagangan antarabangsa.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

- (b) Mengapa sekatan perdagangan antarabangsa terpaksa dikenakan?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[6 markah]

- (c) Jadual berikut menunjukkan kadar inflasi di Malaysia tahun 2008 hingga 2012.

Tahun	Kadar inflasi (%)
2008	5.4
2009	0.6
2010	2.1
2011	3.2
2012	1.9

Sumber Ubahsuai Perangkaan Negara

- (i) Berdasarkan kadar inflasi pada tahun 2011, apakah punca berlakunya inflasi tersebut?

.....

[1 markah]

- (ii) Terangkan kesan inflasi terhadap masyarakat.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

- (d) Maklumat berikut berkaitan dengan analisis unjuran ekonomi Malaysia .

**COVID-19 : Malaysia sukar elak kemelesetan ekonomi**

Ahli Ekonomi OCBC Bank, Wellion Wiranto, berkata pihaknya melihat terdapat kemungkinan ekonomi Malaysia berdepan pertumbuhan negatif meskipun dengan bantuan pakej rangsangan. Beliau berkata, pihaknya membuat semakan semula unjuran kadar pertumbuhan bagi 2020 kepada sekitar antara -2.5 % sehingga 1.5% berikutan pengucupan ketara dalam permintaan domestik dan eksport yang lemah.

Jelaskan kesan pandemik covid-19 terhadap pertumbuhan ekonomi negara.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[5 markah]

## Bahagian B

[40 markah]

*Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.*

4. Maklumat di bawah berkaitan dengan bawang merah.

**Bekalan Bawang Merah Semakin Menurun**

**KUALA LUMPUR, 27 Disember 2019** – : Orang ramai terus merungut berikutan kenaikan mendadak harga bawang merah India sejak beberapa minggu lalu kerana bekalan didakwa semakin kurang.

*Dipetik dan disesuaikan daripada [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my)*

- (a) Terangkan penentu yang menyebabkan berlaku perubahan penawaran bawang merah tersebut. [6 markah]
- (b) Jelaskan tindakan yang boleh diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut. [5 markah]
- (c) Terangkan keadaan pasaran bawang merah dan kesannya apabila berlaku situasi tersebut. [9 markah]
5. Maklumat di bawah berkaitan dengan kemudahan yang ditawarkan oleh KWSP.



- (a) Terang jenis potongan wajib yang dikenakan ke atas pekerja selain daripada maklumat di atas. [4 markah]
- (b) Dengan bantuan rajah, jelaskan kesan pemberian tersebut terhadap pasaran barang tempatan. [7 markah]
- (c) Jelaskan impak kemudahan tersebut kepada ekonomi Malaysia. [9 markah]

6. Maklumat berikut berkaitan dengan tindakan yang diambil oleh insitusi perbankan.

**Kadar Faedah Pinjaman Dijangka Turun Sekali Lagi.**

KUALA LUMPUR: Kadar dasar semalam (OPR) dijangka turun lagi sebanyak 25 mata asas sebelum akhir tahun ini, selepas semakan semula dasar monetari Bank Negara Malaysia (BNM) akan datang, kata beberapa ahli ekonomi.

*Sumber : Berita Harian Online. September 9, 2020*

- (a) Apakah fungsi bank perdagangan yang berkaitan dengan pernyataan di atas. [4 markah]
- (b) Bagaimanakah tindakan tersebut dapat meringankan beban peminjam. [7 markah]
- (c) Institusi perbankan sangat penting kepada negara. Jelaskan [9 markah]
7. Pernyataan di bawah berkaitan dengan satu hubungan perdagangan antarabangsa antara negara Malaysia dan China

**Malaysia tidak import ayam hidup dari Hunan**

KUALA LUMPUR: Malaysia tidak pernah mengimport haiwan hidup dan produk daripada Shaoyang di wilayah Hunan, China, kawasan dikesan terdedah kepada wabak selsema burung H5N1 .Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr Quaza Nizamuddin Hassan Nizam berkata, Malaysia mengimport keratan ayam daripada loji pemprosesan ayam yang berada kira-kira 1,313 kilometer daripada kawasan kejadian iaitu di Liaocheng, Shangdong.

"Pihak berkuasa China telah mengambil tindakan untuk mengawal penyakit H5N1 yang terjadi. Malaysia tidak mengimport haiwan hidup dan produk daripada kawasan ini." katanya dalam satu kenyataan.

*Sumber: BH Online, 3 Februari 2020*

- (a) Jelaskan faktor yang mempengaruhi globalisasi. [4 markah]
- (b) Dengan menggunakan gambar rajah yang sesuai, jelaskan kesan pelaksanaan subsidi kerajaan terhadap pasaran ayam mentah di Malaysia. [7 markah]
- (c) Kerajaan melaksanakan sekatan perdagangan antarabangsa yang memberi pelbagai manfaat kepada ekonomi negara. Bagaimana sekatan perdagangan antarabangsa memberi kesan terhadap taraf hidup masyarakat? Huraikan. [9 markah]



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak

**EKONOMI MODUL ARAS SEDERHANA**

**3767/1**

**Kertas 1**

1 ¼ jam

Satu jam lima belas minit


---

---

6. *Modul ini mengandungi **40** soalan.*
  7. *Jawab **semua** soalan.*
  8. *Tiap-tiap soalan iikut oleh empat pilihan jawapan iaitu **A**, **B**, **C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
  9. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
  10. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
-

- 1 Ilmu ekonomi mengkaji tentang bagaimana manusia...
- A** memilih barang yang terhad bagi mencapai keuntungan maksimum
  - B** menguruskan sumber ekonomi yang terhad untuk memenuhi kehendak yang tidak terbatas
  - C** menggunakan sumber ekonomi yang tidak terhad untuk mencapai kepuasan yang maksimum
  - D** membuat keputusan bagi mengeluarkan barang yang tidak terhad untuk menyelesaikan masalah ekonomi
- 2 Syarikat MATAHARI hanya dapat melaksanakan projek perumahan Taman Indah di Bandar Baru Samariang terpaksa menangguhkan projek perumahan di Taman Melati di Matang Jaya disebabkan...
- A** pendapatannya adalah terhad
  - B** kehendak manusia yang terhad
  - C** modal dan buruh yang dimiliki terhad
  - D** peruntukan sumber hasil kerajaan terhad
- 3 Rajah di bawah menunjukkan sebuah keluk kemungkinan pengeluaran.

Barang P




Pilih pernyataan yang tepat apabila kombinasi pengeluaran bergerak dari titik A ke titik B.

- A** Kadar pengangguran adalah tinggi dalam ekonomi
- B** Semakin banyak barang Q dihasilkan dalam ekonomi
- C** Semakin banyak barang P dikeluarkan dalam ekonomi
- D** Berlaku kemajuan tingkat teknologi dalam pengeluaran

- 4 Rajah di bawah menunjukkan satu keluk kemungkinan pengeluaran

Barang Modal



Pada titik yang manakah wujudnya kos lepas?

- A** R
  - B** S
  - C** T
  - D** U
- 5 Bagaimakah sistem ekonomi kapitalis menyelesaikan masalah asas ekonomi?
- I Jenis barang ditentukan oleh pengeluar
  - II Kuantiti barang ditentukan oleh pengguna
  - III Kaedah pengeluaran berdasarkan untung maksimum
  - IV Agihan barang berdasarkan corak agihan pendapatan masyarakat
- A** I dan II
  - B** I dan IV
  - C** II dan III
  - D** III dan IV

6 Maklumat di bawah berkaitan dengan ciri sistem ekonomi sebuah negara.

- Wujud persaingan yang adil dan saksama antara individu
- Keseimbangan antara kepentingan individu dan masyarakat
- Matlamat ekonomi adalah untuk mencapai kebahagian dunia dan akhirat

Negara tersebut mengamalkan sistem ekonomi...

- A** Islam
- B** Kapitalis
- C** Campuran
- D** Perancangan pusat

- 7 Pilih pasangan yang betul tentang perubahan penentu permintaan terhadap permintaan sesuatu barang

	Penentu Permintaan	Keluk Permintaan
A Harga barang itu menurun		
B Pendapatan individu bertambah		
C Harga dijangka naik pada masa depan		
D Citarasa pengguna meningkat		

- 8 Keluk penawaran sesuatu barang menunjukkan...
- A** kuantiti barang yang sanggup ditawarkan oleh penjual pada pelbagai tingkat harga
  - B** kuantiti barang yang sanggup ditawarkan oleh penjual mengikut kemahuan pengguna
  - C** kuantiti barang yang sanggup ditawarkan oleh penjual apabila kos pengeluaran meningkat
  - D** kuantiti barang yang sanggup ditawarkan oleh penjual mengikut undang-undang yang telah ditetapkan
- 9 Suatu pasaran dikatakan mencapai keseimbangan pasaran apabila...
- A** kuantiti ditawar melebihi kuantiti diminta
  - B** kuantiti diminta melebihi kuantiti ditawarkan
  - C** kuantiti diminta sama dengan kuantiti ditawarkan
  - D** kuantiti diminta kurang daripada kuantiti ditawarkan
- 10 Apakah yang dimaksudkan dengan keanjalan harga permintaan?
- A** mengukur peratus perubahan harga akibat daripada perubahan pendapatan
  - B** mengukur peratus perubahan harga akibat daripada peratus perubahan kuantiti diminta
  - C** mengukur peratus perubahan dalam kuantiti diminta akibat daripada perubahan pendapatan
  - D** mengukur peratus perubahan dalam kuantiti diminta akibat daripada peratus perubahan harga

- 11 Jadual di bawah menunjukkan peratus perubahan kuantiti diminta dan peratus perubahan harga bagi barang M dan barang N.

Jenis Barang	Peratus Perubahan Harga	Peratus Perubahan Kuantiti
M	25	50
N	30	20

Apakah jenis keanjalan harga permintaan bagi barang M dan barang N?

	Barang M	Barang N
<b>A</b>	Anjal	Tidak Anjal
<b>B</b>	Tidak Anjal	Anjal
<b>C</b>	Anjal	Anjal
<b>D</b>	Tidak Anjal	Tidak Anjal

- 12 Maklumat berikut merujuk kepada nilai pekali keanjalan harga permintaan bagi telefon bimbit dan Maklumat berikut merujuk kepada nilai pekali keanjalan harga permintaan bagi telefon bimbit dan beras.

Jenis Barang	Beras	Telefon Bimbit
Nilai pekali keanjalan	0.35	4.3

Apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh peniaga untuk meningkatkan jumlah hasil bagi setiap barang tersebut.

	Beras	Telefon Bimbit
A	Turunkan harga	Naikkan harga
B	Turunkan harga	Turunkan harga
C	Naikkan harga	Naikkan harga
D	Naikkan harga	Turunkan harga

- 13 Pasangan manakah yang menunjukkan fungsi wang mengatasi masalah sistem barter.

	Fungsi Wang	Masalah Sistem Barter
A	Alat bayaran tertunda	Urus niaga secara kredit sukar dijalankan
B	Alat simpanan nilai	Masalah kehendak serentak
C	Alat Perantaraan Pertukaran	Kesukaran menilai harga barang
D	Alat ukuran nilai	Barang tidak tahan lama mengalami kemerosotan nilai

- 14 Antara berikut, pekerjaan manakah yang tergolong dalam sektor ketiga?

- I Nelayan
- II Operator Kilang
- III Jurujual
- IV Agen Insurans

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 15** Maklumat di bawah menunjukkan kadar faedah akaun simpanan tetap di sebuah bank tempatan.

Elit Bank Berhad	
3 bulan	4%
6 bulan	5%
9 bulan	6%
12 bulan	7%

Seorang individu menyimpan sebanyak RM50 000 dalam tempoh setahun. Berapakah faedah yang diterimanya?

- A** RM350
  - B** RM1 500
  - C** RM3 500
  - D** RM53 500
- 16** Antara berikut, yang manakah merupakan kelebihan kaedah pembelian barang secara bayaran kredit?
- A** Pengguna akan membayar harga yang lebih rendah
  - B** Berlaku peningkatan dalam taraf hidup pengguna
  - C** Menggalakkan pengguna berbelanja melebihi pendapatan
  - D** Pengguna boleh menikmati diskaun harga yang lebih banyak
- 17** Mengapakah seseorang individu perlu merancang belanjawan peribadi?
- A** Meningkatkan hasil pendapatan individu
  - B** Merancang perbelanjaan mengikut keutamaan
  - C** Merancang perbelanjaan berdasarkan jumlah potongan wajib
  - D** Memastikan perbelanjaan terancang ketika promosi jualan pada musim perayaan
- 18** Pelaburan lebih baik daripada tabungan kerana
- A** Risiko lebih rendah
  - B** Pulangan lebih stabil
  - C** Pulangan lebih tinggi
  - D** Pulangan tidak dikenakan cukai pendapatan

- 19** Jadual di bawah menunjukkan keluaran, kos tetap dan jumlah kos bagi sebuah firma.

Keluaran (unit)	Kos tetap (RM)	Jumlah Kos (RM)
0	150	150
1	150	200
2	150	240

Antara berikut, pernyataan yang manakah benar berkaitan dengan firma itu?

- I Firma beroperasi dalam jangka panjang
- II Firma hanya menggunakan input tetap dalam operasinya
- III Firma tidak menggunakan input berubah apabila tiada keluaran
- IV Firma menanggung kos tetap yang sama walaupun jumlah keluaran meningkat

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 20** Firma ialah organisasi yang...

- A memaksimumkan kos pengeluaran
- B menawarkan faktor-faktor pengeluaran
- C merancang untuk mendapatkan keuntungan yang minimum
- D menggabungkan faktor-faktor pengeluaran untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan

- 21** Antara berikut, yang manakah benar mengenai kos berubah dan kos tetap?

	<b>Kos Berubah</b>	<b>Kos Tetap</b>
A	Contohnya sewa bangunan	Contohnya premium insurans kebakaran
B	Wujud dalam pengeluaran jangka pendek	Wujud dalam pengeluaran jangka pendek dan jangka panjang
C	Berubah mengikut bilangan output	Tidak berubah mengikut bilangan output
D	Wujud walaupun output adalah sifar	Tidak wujud jika output adalah sifar

- 22** Maklumat berikut menunjukkan kos pengeluaran sabun dalam masa seminggu oleh Firma Wangi.

Output	: 2 000 unit
Harga jualan seunit	: RM10
Kos purata	: RM5

Berapakah untung Firma Wangi?

- A** RM2 500
- B** RM5 000
- C** RM10 000
- D** RM20 000

- 23** Mengapakah peningkatan produktiviti meningkatkan taraf hidup rakyat sesebuah negara?

- A** Firma mampu meningkatkan kualiti barang
- B** Firma mampu menjual barang dengan harga yang lebih murah
- C** Firma mampu mengeluarkan barang dengan kos yang lebih rendah
- D** Firma mampu membayar upah yang lebih tinggi kepada pekerjanya

- 24** Antara berikut, yang manakah merupakan eksternaliti negatif daripada aktiviti pengeluaran?

- I Ekosistem yang seimbang
- II Pertambahan peluang pekerjaan
- III Pelepasan asap dari kilang getah
- IV Pembuangan sampah oleh kilang kayu

- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV

**25** Peningkatan pertumbuhan ekonomi di Malaysia akan membawa kepada

- I peningkatan infrastruktur fizikal
- II peningkatan kadar pengangguran
- III peningkatan bilangan kakitangan awam
- IV peningkatan taraf pendidikan penduduk

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

**26** Pilih pernyataan yang tepat tentang dasar fiskal mengembang dengan dasar fiskal menguncup.

	<b>Dasar Fiskal Mengembang</b>	<b>Dasar Fiskal Menguncup</b>
<b>A</b>	Meningkatkan kadar cukai	Menurunkan kadar cukai
<b>B</b>	Meningkatkan permintaan agregat	Menurunkan permintaan agregat
<b>C</b>	Menurunkan perbelanjaan kerajaan	Meningkatkan perbelanjaan kerajaan
<b>D</b>	Digunakan semasa berlaku inflasi	Digunakan semasa berlaku deflasi

**27** Pernyataan yang manakah berkaitan dengan cukai tak langsung?

- A Encik Razman membayar duti setem apabila menandatangani surat perjanjian pembelian rumah
- B Syarikat Ah Foo Berhad membayar cukai sebanyak 28% daripada keuntungannya kepada kerajaan
- C Puna Parvathi membayar tambahan 5% daripada jumlah harga makanan di restoran makanan segera
- D Petronas membayar 38% daripada jumlah pendapatan syarikat kepada kerajaan

- 28** Perbualan yang berikut merujuk kepada satu masalah ketidakstabilan ekonomi yang dihadapi oleh sebuah negara.

Zaidi	:	Eeeee....Pening kepala aku. Harga barang tak habis-habis naik.
Rasli	:	Yelah...Harga makanan naik. Harga pakaian naik. Tambang pengangkutan pun naik.
Mahdi	:	Lepas ni entah harga apa lagi la nak naik.

Bagaimanakan bank pusat negara tersebut mengatasi masalah tersebut?

- I Menjual surat jaminan kerajaan kepada orang ramai
  - II Mengubah kadar rizab berkanun daripada 6% kepada 4%
  - III Mengubah kadar faedah pinjaman daripada 7% kepada 4%
  - IV Mengubah tempoh bayaran balik pinjaman daripada 7 tahun kepada 5 tahun
- A** I dan II  
**B** I dan IV  
**C** II dan III  
**D** III dan IV

- 29** Apakah kesan penurunan kadar faedah kepada ekonomi sesebuah negara?

- A** Jumlah permintaan agregat berkurang
- B** Pendapatan negara sebenar bertambah
- C** Masalah pengangguran kitaran lebih serius
- D** Kadar pertumbuhan ekonomi lebih perlahan

30 Apakah faktor yang menggalakkan globalisasi?

- I Sekatan perdagangan antarabangsa
- II Rangkaian pengangkutan yang cekap
- III Kemajuan internet dan ekonomi digital
- IV Liberalisasi perdagangan tidak digalakkan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

31 Mengapakah sesebuah firma mengembangkan operasi perniagaannya ke peringkat antarabangsa?

- A Kos upah yang lebih rendah
- B Pasaran tempatan yang tenu
- C Kenaikan harga bahan mentah di pasaran antarabangsa
- D Kadar pertukaran asing yang berubah dari semasa ke semasa

32 Pernyataan manakah yang menerangkan tujuan kuota dikenakan dalam perdagangan antarabangsa?

- A Meningkatkan penawaran barang import
- B Menambahkan hasil kerajaan
- C Menjamin keselamatan negara
- D Melindungi industri tempatan

33 Maklumat berikut menunjukkan urus niaga antarabangsa Negara X.

Eksport Nampak RM200 juta

Import Nampak RM180 juta

Apakah kesan daripada urus niaga tersebut?

- A Imbangan dagangan positif
- B Imbangan dagangan negatif
- C Imbangan pembayaran positif
- D Imbangan pembayaran negatif

34 Maklumat berikut berkaitan dengan kadar pertukaran asing antara Ringgit Malaysia dengan Dolar Singapura.

RM3.50 = S\$1.00

Berapakah nilai barang dalam Ringgit Malaysia jika harga barang ialah S\$8 750.00?

- A RM31 700
- B RM31 670
- C RM30 625
- D RM29 300

- 35 Jadual di bawah menunjukkan perubahan kadar pertukaran Ringgit Malaysia (RM) berbanding Pound Sterling (£)

Tahun	Kadar Pertukaran Asing
2015	£1 = RM6.00
2016	£1 = RM6.80

Apakah kesan yang berlaku ke atas Malaysia pada tahun 2016 berbanding tahun 2015?

- A Harga barang Britain di Malaysia lebih murah
- B Harga eksport Malaysia ke Britain lebih murah
- C Jumlah import Malaysia dari Britain akan meningkat
- D Imbangan dagangan Malaysia dengan Britain cenderung menjadi negatif

Pilihan jawapan bagi soalan 36 hingga 40 berdasarkan jadual berikut:

Pilihan	Pernyataan 1	Pernyataan 2
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

